

Mahathir tak puas hati B-putera masih gagal juga

(P) 24 060 178

KUALA LUMPUR, Rabu — Penyertaan Bumiputera di bidang perniagaan dan perusahaan masih belum memuaskan, malah Kerajaan amat tidak puas hati kerana ramai Bumiputera yang telah diberi segala rupa bantuan, tetapi mereka gagal juga.

Ketika menyebut demikian, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, "Keadaan ini ke-

nalahan dikaji sejujur-jujurnya dan pihak Kerajaan dan Bumiputera hendaklah menerima hakikat ini.

"Satu dialog secara terus terang dan berselindung-selindung perlu dibuat," kata be-

liau dalam satu interviu khas dengan akhbar Business Times yang disiarkan Isnin lalu.

Beliau membidas orang-orang tertentu yang mendakwa dasar Kerajaan untuk membantu Bumiputera hanya menguntungkan segelintir atau sekumpulan kecil Bumiputera yang berpengaruh.

"Sebenarnya, bantuan Kerajaan kepada Bumiputera adalah luas, meliputi semua peringkat."

Timbalan Perdana Menteri menyebut peruntukan \$30 juta untuk kaum penjaja dan peniaga kecil Bumiputera di bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu sebagai contoh.

"Inilah kali pertama

dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan memberi peruntukan \$30 juta untuk membantu kaum penjaja dan peniaga kecil Bumiputera dalam penyertaan bidang perniagaan.

"Begitu juga setiap tahun, puluhan ribu penjaja dan peniaga kecil Bumiputera dari semua negeri mendapat bantuan dari Kerajaan," tegas beliau.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, tentulah tidak berguna pinjaman \$1 juta diberikan kepada seorang penjaja Bumiputera seperti memberikan pinjaman \$1,000 kepada Bumiputera yang berkongsi dalam projek perkilangan berjuta-juta ringgit.

"Memanglah benar

sekumpulan kecil sahaja Bumiputera yang berjaya mendapat pinjaman berjuta ringgit dan "ini kelihatan seolah-olah sekumpulan kecil Bumiputera sahaja yang mendapat faedah dari Dasar Bumiputera."

Menyentuh tentang Bumiputera yang dikatakan berpengaruh, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, sesiapa sahaja yang boleh mendapat pinjaman berjuta ringgit, sama ada dia Bumiputera atau tidak, tentulah mereka orang yang berpengaruh.

Kata beliau, keperibadian dan latar belakang seseoranglah yang boleh memberi pengaruh sehingga dia berjaya keputusan dibuat untuk meluluskan pinjamannya.

"Jika dia tidak berjaya mendapat pinjaman maka ini adalah kerana dia tidak dapat menggunakan pengaruh untuk tujuan itu dan tentulah orang seperti itu tidak berpengaruh," tambah beliau.

Dalam temuramah itu, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad juga menyentuh masalah kejayaan eksekutif Bumiputera dan Yayasan Pelaburan Bumiputera yang menurut beliau, Syarikat Permodalan Nasional Berhad, anak syarikat Yayasan itu walaupun memulakan aktiviti.

Bagaimanapun, beliau tidak bersedia lagi untuk membuat sebarang kenyataan mengenai aktiviti anak syarikat Yayasan Pelaburan Bumiputera itu.